



SEBAHAGIAN daripada kenderaan terperangkap dalam banjir kilat yang melanda di kedua-dua hala Tol Sungai Rasah di Klang, Selangor, semalam.

UM 12/11/06

Banjir kilat landa Klang

KLANG 11 Nov. – Beribu-ribu pengguna jalan raya terkandas dalam kesesakan lalu lintas sepanjang tiga kilometer di kedua-dua hala Tol Sungai Rasah di sini, ekoran banjir kilat selepas hujan lebat lebih 3 jam, petang ini.

Hujan lebat yang bermula pukul 2 petang dan berhenti kira-kira pukul 5.30 petang itu turut menyebabkan jalan raya dan beberapa kawasan perumahan dinaiki air sehingga 0.3 meter.

Antara kawasan dinaiki air ialah Bayu Perdana, kawasan Palm Grove serta Taman Jati di Klang Selatan dan Taman Rasnah, Sungai Rasah di sini.

Jurucakap Majlis Perbandaran Klang (MPK) berkata, banjir kilat berlaku akibat air sungai yang melimpah selepas hujan lebat.

Bagaimanapun katanya, banjir kilat kali ini tidak serius dan sehingga pukul 7 malam ini tiada penduduk yang dipindahkan.

"Banjir mula surut kira-kira pukul 5 petang. Bagaimanapun keadaan jalan raya masih sesak sehingga pukul 7 malam ini," ujarnya.